

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 17

22hb Ogos 2002

*TAMBAHAN No. 85
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 337.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA
PERSENDIRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2002**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Keperluan bagi suatu lesen
4. Permohonan bagi suatu lesen
5. Kesahan suatu lesen
6. Lesen tidak boleh dipindahkan
7. Bayaran balik deposit
8. Pelucuthakan deposit
9. Fi yang kena dibayar

Undang-
undang
kecil

10. Pembatalan atau penggantungan suatu lesen
11. Kebersihan
12. Tiada penambahan atau pengurangan lot letak kereta
13. Pencahayaan dan pengalihan udara
14. Halangan
15. Kegunaan lain tidak dibenarkan
16. Keselamatan
17. Pencegahan kebakaran
18. Menservis, membaiki dan membasuh kenderaan motor dilarang
19. Kuasa untuk memasuki
20. Penalti

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA
PERSENDIRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pembaharuan Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], Perbadanan Putrajaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan dalam suatu tempat letak kereta untuk meletakkan satu kenderaan motor;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat, badan berkanun, pertubuhan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“tempat letak kereta persendirian” ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripada tanah atau premis yang dipunyai atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Perbadanan dan digunakan untuk meletakkan sepuluh buah kenderaan motor atau lebih dan yang di atasnya orang awam dibenarkan meletakkan apa-apa kenderaan motor tertakluk kepada pembayaran fi sama ada bagi setiap jam atau selainnya.

Keperluan bagi suatu lesen

3. Seseorang tidak boleh mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan bagi suatu lesen

4. (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen yang disebut dalam undang-undang kecil 3 hendaklah dibuat kepada Perbadanan dalam apa-apa bentuk dan hendaklah disertai dengan—

- (a) pelan lokasi dan lampu;
- (b) ukuran lot letak kereta;
- (c) kapasiti tempat letak kereta;
- (d) pelan susun atur yang menunjukkan jalan masuk, jalan keluar dan sistem pungutan; dan
- (e) pelan tanda arah bagi tempat letak kereta.

(2) Perbadanan hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika Perbadanan meluluskan permohonan itu, suatu lesen hendaklah dikeluarkan—

- (a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Perbadanan;
- (b) apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam undang-undang kecil 9; dan
- (c) apabila dibayar deposit dalam apa-apa jumlah yang ditentukan oleh Perbadanan.

Kesahan suatu lesen

5. (1) Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah, melainkan digantung atau dibatalkan atau melainkan dinyatakan selainnya dalam lesen itu, sah selama tempoh tidak melebihi tiga tahun daripada tarikh pengeluaran lesen itu dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam undang-undang kecil 9, dan bagi maksud undang-undang kecil ini, sebahagian daripada satu bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

(2) Jika suatu lesen diberikan bagi suatu tempoh kurang daripada satu tahun, fi yang kena dibayar bagi lesen itu hendaklah dikira atas asas bulan ke bulan berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam undang-undang kecil 9, dan bagi maksud undang-undang kecil ini, sebahagian daripada satu bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.

Lesen tidak boleh dipindahkan

6. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh memindahkan lesennya kepada mana-mana orang kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Perbadanan terlebih dahulu.

(2) Perbadanan boleh mengikut budi bicaranya, meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang disebut dalam perenggan (1).

Bayaran balik deposit

7. Deposit yang dibayar di bawah perenggan 4(3)(c) hendaklah, melainkan dilucuthakkan di bawah undang-undang kecil 8, dibayar balik dengan tiada penyalaraan bunga bagi jumlah yang didepositkan kepada pemegang lesen selepas Perbadanan telah diberitahu secara bertulis oleh pemegang lesen itu bahawa dia—

- (a) telah berhenti mengendalikan tempat letak kereta itu; atau
- (b) telah menyerahkan lesen itu kepada Perbadanan sebelum habis tempoh lesen itu.

Pelucuthakan deposit

8. (1) Perbadanan boleh, selepas memberi pemegang lesen suatu peluang untuk didengar, melucuthakkan kesemua atau sebahagian daripada deposit itu jika Perbadanan berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Apabila deposit itu dilucuthakkan, lesen itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan, melainkan Perbadanan, atas permohonan pemegang lesen membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucuthakkan itu.

Fi yang kena dibayar

9. (1) Fi yang kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan suatu lesen bagi tempat letak kereta persendirian ialah RM10.00 setahun bagi setiap lot letak kereta di dalam tempat letak kereta persendirian itu dengan fi minimum sebanyak RM250.00 setahun bagi setiap tempat letak kereta.

(2) Fi yang dibayar di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh dibayar balik.

Pembatalan atau penggantungan suatu lesen

10. Perbadanan boleh membatalkan atau menggantung bagi suatu tempoh sebagaimana yang Perbadanan fikirkan patut, mana-mana lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini jika pemegang lesen—

- (a) tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (b) telah melanggar apa-apa peruntukan dalam Undang-Undang Kecil ini.

Kebersihan

11. Pemegang lesen hendaklah menyenggarakan tiap-tiap bahagian tempat letak kereta persendirian itu dalam keadaan yang bersih dan baik pada setiap masa.

Tiada penambahan atau pengurangan lot letak kereta

12. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan bilangan lot letak kereta dalam tempat letak kereta persendirian itu kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Perbadanan terlebih dahulu.

Pencahayaan dan pengalihan udara

13. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah menyediakan pencahayaan yang mencukupi dan jika tempat letak kereta persendirian itu tertutup, menyediakan pengalihan udara yang mencukupi sehingga memuaskan hati Perbadanan.

(2) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa cara pengalihan udara di dalam tempat letak kereta persendirian itu dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan efisien.

Halangan

14. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang mencukupi untuk memastikan bahawa tiada kenderaan diletakkan dalam apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalu lintas yang sempurna di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendirian itu.

Kegunaan lain tidak dibenarkan

15. Pemegang lesen tidak boleh menggunakan atau membenarkan untuk digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendirian itu bagi apa-apa maksud selain daripada untuk meletak kenderaan motor kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Perbadanan terlebih dahulu.

Keselamatan

16. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Perbadanan untuk memastikan bahawa keselamatan yang mencukupi disediakan di tempat letak kereta persendirian.

Pencegahan kebakaran

17. Pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang mencukupi disenggarakan;
- (b) bahawa tangga dan jalan keluar disenggarakan dengan sempurna;
- (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan; dan
- (d) bahawa tiap-tiap pintu dibina dan dipasangkan sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang sehingga memuaskan hati Perbadanan dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Menservis, membaiki dan membasuh kenderaan motor dilarang

18. Tiada seorang pun boleh membasuh, mengilat, menggilap, menservis atau membaiki apa-apa kenderaan motor di dalam mana-mana tempat letak kereta persendirian.

Kuasa untuk memasuki

19. Perbadanan atau mana-mana pegawai polis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi maksud menentukan sama ada—

- (a) tanah atau premis itu digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa suatu lesen yang sah yang diberikan berkenaan dengan tempat letak kereta persendirian itu; atau
- (b) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan.

Penalti

20. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Dibuat 4 Julai 2002
[PPJ/Undang(A) 4-12; PN(PU²)328/V]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
Presiden,
Perbadanan Putrajaya

Disahkan 17 Julai 2002

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (FEDERAL TERRITORY OF
PUTRAJAYA) BY-LAWS 2002

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Requirement for a licence
4. Application for a licence
5. Validity of a licence
6. Licence not transferable
7. Refund of deposit
8. Forfeiture of deposit
9. Fee payable
10. Revocation or suspension of a licence
11. Cleanliness
12. No increase or reduction of parking lot
13. Lighting and ventilation
14. Obstruction
15. Other uses not permitted
16. Security
17. Fire prevention
18. Servicing, repairing and washing of motor vehicle prohibited
19. Power of entry
20. Penalty

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (FEDERAL TERRITORY OF
PUTRAJAYA) BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [P.U. (A) 142/2002], the Perbadanan Putrajaya makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Private Car Parks (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2002**.

(2) These By-Laws apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“parking lot” means the space marked out in a parking place for the parking of one motor vehicle;

“person” includes a company, statutory body, association or body of persons corporate or unincorporated;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536];

“private car park” means any land or premises or part of the land or premises owned or occupied by any person other than the Perbadanan and used for the parking of ten or more motor vehicles and to which any member of the public is admitted to park any motor vehicle subject to the payment of a fee whether hourly or otherwise.

Requirement for a licence

3. A person shall not operate a private car park without a licence issued by the Perbadanan under these By-Laws.

Application for a licence

4. (1) An application for a licence referred to in by-law 3 shall be made to the Perbadanan in such form and shall be accompanied with—

- (a) a location and lighting plan;
- (b) the dimensions of the parking lot;
- (c) the capacity of the car park;

(d) a layout plan showing the ingress, the egress and the collection system; and

(e) a signage plan for the car park.

(2) The Perbadanan shall consider the application made under paragraph (1) and may approve or refuse the application.

(3) If the Perbadanan approves the application, a licence shall be issued—

(a) in such form and subject to such conditions or restrictions as the Perbadanan may specify;

(b) on payment of fees as prescribed in by-law 9; and

(c) on payment of a deposit of such sum as the Perbadanan may determine.

Validity of a licence

5. (1) Any licence issued under these By-Laws shall, unless suspended or revoked or unless otherwise specified in such licence, be valid for a period of not exceeding three years from the date of its issuance and is renewable, subject to payment of fee as prescribed in by-law 9 and for the purpose of this by-law, part of a month shall be deemed to be a month.

(2) Where a licence is granted for a period less than a year, the fee payable for such licence shall be calculated on a month to month basis based on the rate as prescribed in by-law 9, and for the purpose of this by-law, part of a month shall be deemed to be a month.

Licence not transferable

6. (1) A licence holder shall not transfer his licence to any person except with prior written approval of the Perbadanan.

(2) The Perbadanan may in its discretion, approve or refuse the application referred to in paragraph (1).

Refund of deposit

7. The deposit paid under paragraph 4(3)(c) shall, unless forfeited under by-law 8, be refunded with no adjustment for interest on the amount deposited to the licence holder after the Perbadanan is notified in writing by the licence holder that he—

(a) has ceased operating the private car park; or

(b) has surrendered the licence to the Perbadanan before the expiry of the licence.

Forfeiture of deposit

8. (1) The Perbadanan may, after giving the licence holder an opportunity of being heard, forfeit the deposit in whole or in part if the Perbadanan is satisfied

that there has been a breach of the conditions or restrictions of the licence or contravention of the provisions under these By-Laws.

(2) Upon forfeiture of such deposit, the licence shall be deemed to be cancelled, unless the Perbadanan, on the application of the licence holder permits the licence to continue to be enforced subject to repayment of the deposit that has been forfeited.

Fee payable

9. (1) The fee payable for the issuance or renewal of a licence for a private car park shall be RM10.00 per year for each parking lot in the private car park with a minimum fees of RM250.00 per year per car park.

(2) Fees paid under this by-law shall not be refundable.

Revocation or suspension of a licence

10. The Perbadanan may revoke or suspend for a term as it deems fit any licence under these By-Laws if the licence holder—

(a) has failed to comply with any of the specified conditions or restrictions in the licence; or

(b) has contravened any of the provisions of these By-Laws.

Cleanliness

11. The licence holder shall maintain every part of the private car park in a clean condition and in good repair at all times.

No increase or reduction of parking lot

12. The licence holder shall not increase or reduce the number of parking lot within the private car park except with prior written approval of the Perbadanan.

Lighting and ventilation

13. (1) A licence holder shall provide adequate lighting and if it is a covered private car park, adequate ventilation to the satisfaction of the Perbadanan.

(2) A licence holder shall at all time ensure that the means of the ventilation in the private car park is kept in good and efficient working condition.

Obstruction

14. The licence holder shall take adequate measures to ensure that no vehicle is parked in any manner so as to obstruct the free flow of traffic inside or in the vicinity of the private car park.

Other uses not permitted

15. The licence holder shall not use or permit to be used any part of the private car park for any purpose other than for the parking of motor vehicles except with prior written approval of the Perbadanan.

Security

16. The licence holder shall comply with all instructions given by the Perbadanan to ensure that adequate security is provided in the private car park.

Fire prevention

17. The licence holder shall ensure—

- (a) that adequate fire fighting equipment is maintained;
- (b) that staircases and exits are properly maintained;
- (c) that all staircases, passages, landings and exits are kept clear of all obstructions; and
- (d) that every door is constructed and fitted in such manner so as to be easily opened to the satisfaction of the Perbadanan and the relevant authority.

Servicing, repairing and washing of motor vehicle prohibited

18. No person shall wash, wax, polish, service or repair any motor vehicle in any private car park.

Power of entry

19. The Perbadanan or any police officer may at any time enter any land or premises for the purpose of ascertaining whether—

- (a) the land is or premises are being used as a private car park without a valid licence granted in respect of the private car park; or
- (b) an offence under these By-Laws has been or is being committed.

Penalty

20. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding one year or to both and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

Made 4 July 2002

[PPJ/Undang(A) 4-12; PN(PU²)328/V]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
President,
Perbadanan Putrajaya

Confirmed 17 July 2002

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Prime Minister

P.U. (A) 338.**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968****PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PEMBETULAN AKTA
CUKAI PENDAPATAN 1967) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta 1*], Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-Undang (Pembetulan Akta Cukai Pendapatan 1967) 2002**.

Pembetulan

2. Cetakan semula teks bahasa Inggeris Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] yang disiarkan dalam tahun 2002 yang mengandungi segala pindaan hingga 28 Februari 2002 dibetulkan—

(a) dalam subseksyen 44(6)—

- (i) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen itu dengan titik bertindih; dan
- (ii) dengan memasukkan di bawah peruntukan yang sedia ada proviso yang berikut:

“Provided that the amount to be deducted from the aggregate income of a company for the relevant year in respect of any gift of money made by that company to any institution or organisation approved for the purposes of this section by the Director General shall not exceed five per cent of the aggregate income of the company in the relevant year.”; dan

(b) dalam “LIST OF AMENDMENTS”—

- (i) dengan memotong Undang-undang yang meminda “Act 608” dan segala butiran yang berhubungan dengannya; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas Undang-undang yang meminda “Act A1093” dan segala butiran yang berhubungan dengannya dengan Undang-undang yang meminda dan segala butiran yang berhubungan dengannya yang berikut:

“Act 608	Finance (No. 2) Act 2000	1. Sections 4-14 & 16-27-Assessment year 2001 and subsequent years of assessment
-----------------	-----------------------------	--

2. Section 15-
Assessment
year 1986
and subsequent
years of
assessment”.

Dibuat 6 Ogos 2002
[P.N.(SU.2) 233/4; PN(PU²)231/II]

DATO' SALMAH BINTI ABDUL RAHMAN
Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia

REVISION OF LAWS ACT 1968

REVISION OF LAWS (RECTIFICATION OF INCOME TAX ACT 1967)
ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision of Laws Act 1968 [*Act 1*], the Commissioner of Law Revision makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Revision of Laws (Rectification of Income Tax Act 1967) Order 2002**.

Rectification

2. The reprint of the English language text of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] published in the year 2002 incorporating all amendments up to 28 February 2002 is rectified—

(a) in subsection 44(6)—

(i) by substituting for the full stop at the end of the subsection a colon; and

(ii) by inserting below the existing provisions the following proviso:

“Provided that the amount to be deducted from the aggregate income of a company for the relevant year in respect of any gift of money made by that company to any institution or organisation approved for the purposes of this section by the Director General shall not exceed five per cent of the aggregate income of the company in the relevant year.”; and

(b) in the “LIST OF AMENDMENTS”—

(i) by deleting the Amending law “Act 608” and all the particulars relating to it; and

- (ii) by inserting after the Amending law “Act A1093” and all the particulars relating to it the following Amending law and all the particulars relating to it:

“Act 608 Finance (No. 2) Act 2000	1. Sections 4-14 & 16-27-Assessment year 2001 and subsequent years of assessment
	2. Section 15- Assessment year 1986 and subsequent years of assessment”.

Made 6 August 2002
[P.N.(SU.2) 233/4; PN(PU²)231/II]

DATO’ SALMAH BINTI ABDUL RAHMAN
Commissioner of Law Revision Malaysia

P.U. (A) 339.

AKTA DADAH BERBAHAYA 1952

PERINTAH DADAH BERBAHAYA (PINDAAN JADUAL PERTAMA)
(No. 2) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 45A Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*]. Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Dadah Berbahaya (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 2002.**

Pindaan Jadual Pertama

2. Bahagian III Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 dipinda dengan memasukkan—

(a) selepas butiran “Betacetylmethadol” butiran yang berikut:

“8-beta-11-dihydroxy-delta-9-tetrahydrocannabinol

8-beta-hydroxy-delta-9-tetrahydrocannabinol”;

(b) selepas butiran “Concentrate of poppy straw (the material arising when poppy straw has entered into a process for the concentration of

its alkaloids, when such material is made available in trade)” butiran yang berikut:

“delta-8-tetrahydrocannabinol
delta-9-tetrahydrocannabinol”;

(c) selepas butiran “Hydromorphone” butiran yang berikut:

“11-hydroxy-delta-8-tetrahydrocannabinol
11-hydroxy-delta-9-tetrahydrocannabinol”;

(d) selepas butiran “Noracymethadol” butiran “11-nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid”.

Dibuat 26 Julai 2002

[KK(R)-608(15); PN(PU²)214/V]

DATO' CHUA JUI MENG
Menteri Kesihatan

DANGEROUS DRUGS ACT 1952

DANGEROUS DRUGS (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) (No. 2) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by section 45A of the Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Dangerous Drugs (Amendment of First Schedule) (No. 2) Order 2002**.

Amendment of First Schedule

2. Part III of the First Schedule to the Dangerous Drugs Act 1952 is amended by inserting—

(a) after the item “Betacetylmethadol” the following items:

“8-beta-11-dihydroxy-delta-9-tetrahydrocannabinol
8-beta-hydroxy-delta-9-tetrahydrocannabinol”;

(b) after the item “Concentrate of poppy straw (the material arising when poppy straw has entered into a process for the concentration of its alkaloids, when such material is made available in trade)” the following items:

“delta-8-tetrahydrocannabinol
delta-9-tetrahydrocannabinol”;

(c) after the item “Hydromorphone” the following items:

“11-hydroxy-delta-8-tetrahydrocannabinol
11-hydroxy-delta-9-tetrahydrocannabinol”; and

(d) after the item “Noracymethadol” the item “11-nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid”.

Made 26 July 2002
[KK(R)-608(15); PN(PU²)214/V]

DATO' CHUA JUI MENG
Minister of Health

P.U. (A) 340.

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) (No. 2) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2002.**

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/89] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) di bawah kepala “Negeri Selangor Darul Ehsan” dengan memasukkan selepas butiran 36 butiran yang berikut:


“37. (*Laluan 29*): *Lebuh Raya Damansara Puchong–Putrajaya dan Cyberjaya*

Bermula dari penghujung Lebuhraya Damansara–Puchong (E11) di koordinat–21445.232 U, - 4836.955 T melalui persimpangan bertingkat bunga cengkih ke Putrajaya dan Cyberjaya dan berakhir di titik pertemuan dengan Jalan Lingkaran Bandar Putrajaya (U4) di koordinatnya 321359.390 U, 407018.595 T.

Jarak sepanjang 9.86 km.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas “PETA 12: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN” peta yang berikut:

“PETA 13: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN



Dibuat 1 Ogos 2002
 [KKR/U/50/12 Jld. 2 - Selangor; PN(PU²)391/IX]

DATO' SERI S. SAMY VELLU
 Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]

FEDERAL ROADS ACT 1959

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)
(No. 2) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [Act 376], the Minister, after consultation with the State Government of Selangor Darul Ehsan, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Federal Roads (West Malaysia) (Amendment) (No. 2) Order 2002**.

Amendment of First Schedule

2. The Federal Roads (West Malaysia) Order 1989 [*P.U. (A) 401/89*] is amended in the First Schedule—

- (a) under the heading of “Negeri Selangor Darul Ehsan” by inserting after item 36 the following items:


“37. (*Route 29*): *Damansara Puchong Highway–Putrajaya and Cyberjaya*

Starting from the end of Damansara–Puchong Highway (E11) at coordinates–21445.232 N, - 4836.955 E through the clover leaf interchange access to Putrajaya and Cyberjaya and ending at the interfacing with Putrajaya Primary Distributor Road (U4) at coordinates 321359.390 N, 407018.595 E.

A distance of 9.86 km.”; and

(b) by inserting after “MAP 12: FEDERAL ROADS OF NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN” the following map:

“MAP 13: FEDERAL ROADS OF NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN



Made 1 August 2002
[KKR/U/50/12 Jld. 2 - Selangor; PN(PU²)391/IX]

DATO' SERI S. SAMY VELLU
Minister of Works

[To be laid before the Dewan Rakyat under section 4 of the Federal Roads Act 1959]

P.U. (A) 341.

AKTA AKAUNTAN 1967

